



## MOU cadangan projek perumahan KPFB PR1MA dan KPFB Residensi di Selayang ditandatangani

May 18, 2022 Written by Media Baharu Published in Semasa



**KUALA LUMPUR, 18 Mei** - Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Malaysia Berhad (KPFB) menandatangani perjanjian persefahaman (MOU) bersama SIAB Development Berhad, Koperasi Perkhidmatan Pelajaran Nasional Berhad (KOPENAS), Koperasi Kakitangan Felcra Malaysia Berhad, (KKF) dan Koperasi Hartanah Anggun Berhad (KOHAB).

Pengerusi KPFB, Datuk Sabari Misran berkata MOU ini melibatkan sebuah cadangan projek perumahan KPFB PR1MA dan KPFB Residensi di Selayang dengan anggaran nilai pembangunan kasar (GDV) RM389 juta.

"Kita akan jual dengan harga mampu milik, RM400 setiap kaki persegi dan ia ada dua jenis, satu yang 900 kaki persegi, dan satu lagi 1,000 kaki persegi, rumah ini kita akan jual kepada keutamaan koperasi adalah ahli-ahli koperasi yang ada di sekitar Lembah Klang ini," kata beliau dalam sidang media selepas Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MOU) antara SIAB Development Berhad, KOPENAS, KKF dan KOHAB, di sini.



(Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MOU) antara KPFB, SIAB Development Berhad, KOPENAS, KKF dan KOHAB)

Melalui projek ini, KPFB dijangka memperoleh keuntungan 13% daripada nilai GDV RM389 juta ringgit iaitu sebanyak RM50 juta.

Dengan termeterainya MOU tersebut juga KOPENAS, KKF dan KOHAB akan bertindak sebagai ejen penjual bagi projek perumahan tersebut.

Pembinaannya dijangka dimulakan hujung tahun ini dan mengambil masa selama tiga tahun.

Dengan MOU ini, KPFB berharap ia dapat menambahkan lagi pendapatan koperasi dalam jangka masa pendek dan panjang.

## LAGI BERITA SEMASA

[Perak tutup sementara kawasan rekreasi dan riadah hutan simpan](#) (6) 19-05-2022 09:18:40

[MOU cadangan projek perumahan KPFB PR1MA dan KPFB Residensi di Selayang ditandatangani](#) (47) 18-05-2022 23:49:13

[Kerajaan harap SOP dan sembilan garis panduan COVID-19 diamalkan sebaik mungkin](#) (58) 18-05-2022 22:30:32

[Operasi SAR dua pendaki wanita di Gunung Suku disambung esok](#) (55) 18-05-2022 21:35:37

[Hanya seorang daripada lima pesakit hipertensi berjaya kawal penyakit - Dr Noor Hisham](#) (51) 18-05-2022 21:23:31

[55 kawasan pendakian dan 14 hutan lipur di Perak ditutup sementara](#) (39) 18-05-2022 21:16:55

[Pegawai penempatan di pejabat tanah, selesaikan segala permasalahan berkaitan pemilikan tanah - Sanusi](#) (34) 18-05-2022 19:15:55

[Elak pembakaran terbuka, bendung jerebu dan pencemaran alam sekitar - METMalaysia](#) (48) 18-05-2022 18:25:26

[JENDELA lepasi sasaran](#) (60) 18-05-2022 18:11:03

[Kerajaan Negeri Sembilan teliti semula punca banjir di Johol](#) (48) 18-05-2022 17:58:03